

**CAMAR KEPALA KELABU**  
Brown-headed Gull

FAMILI: Laridae  
NAMA SAINTIFIK: *Larus brunnicephalus*

**CIRI-CIRI**

Spesies ini menyerupai spesies Camar Kepala Hitam, *L. ridibundus*, tetapi ianya lebih besar dan lebih panjang, paruh dan leher lebih tebal serta warna mata yang lebih lusuh. Semasa terbang, ia menunjukkan sayap yang lebih lebar dan membujur dengan penghujung sayap terdapat warna kehitaman. Bagi burung dewasa pada musim membiak, bahagian atas kepala berwarna coklat gelap, bahagian mata berwarna putih dan muka yang berwarna lebih lusuh manakala paruhnya pula berwarna merah gelap. Semasa musim membiak, berbanding Camar Kepala Kelabu, bahagian luar sayap primari berwarna kehitaman dan terdapat tompokan putih yang mengunjur dari sayap primari sehingga bahagian atas sayap. Anggaran saiz bagi burung dewasa adalah di antara 42-46 sm.

**MAKANAN**

Diet bagi spesies ini terdiri daripada ikan.

**HABITAT**

Spesies ini menghuni kawasan sungai-sungai besar dan tasik, persisiran pantai dan boleh dijumpai sehingga ketinggian 1,830 m dari aras laut.

**BUNYI**

Spesies ini menghasilkan bunyi yang hampir sama dengan Camar Kepala Hitam, bunyi jeritan bernada tinggi *kyaaar* dan *karr*. Disamping itu juga, spesies ini juga mengeluarkan yang pendek *kek* dan *kuk*.

**PEMBIAKAN**

Spesies ini bertelur pada bulan Mei hingga bulan Jun pada sepanjang tahun. Sarang adalah berbentuk besar dan dibina di kawasan berair. Burung betina boleh menghasilkan 3 biji telur pada setiap kali ianya bertelur dan masa pengeraman telur adalah selama 24 hari.

**STATUS**

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.